

15 MAR 1997

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE PERLIS

KANGAR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Perlis.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar kira-kira 8.50 pagi.

Beliau disambut oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri Datin Seri Shamsiah Md Yassin, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid dan isteri Datin Seri Nila Inangda Manjam Keumala, anggota exco kerajaan Perlis serta anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Perlis.

Dr Mahathir dan isteri kemudian berkereta ke Istana Arau di sini untuk menghadiri istiadat khas pengurniaan Anugerah Cemerlang Diraja (Tuanku Raja Perlis) daripada Raja Perlis.

Selesai istiadat, Dr Mahathir akan mendengar taklimat pembangunan di Bilik Gerakan Negeri sebelum dibawa ke Sungai Baru untuk menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman syarikat-syarikat yang terbabit dalam beberapa projek pembangunan di Perlis.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah mempunyai atur cara yang berasingan termasuk melawat rumah kebajikan di Jejawi dan melawat Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera dan Sekolah Menengah Derma di sini sebelum kedua-dua tetamu kehormat itu menghadiri jamuan tengah hari di Dewan Warisan Negeri.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir antara lain akan meninjau kawasan sempadan sebelum berucap pada majlis perhimpunan di kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Padang Besar.

Perdana Menteri juga dijadualkan singgah di Bukit Arang dalam perjalanan pulang ke Alor Setar melalui Bukit Kayu Hitam, Kedah. -- BERNAMA
IQ FAZ